# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 27 BILANGAN 48 | RABU 1HB DISEMBER, 1982. | رابو 14 صفر 1403 | PERCHUMA


## Dua orang hakim di-lantek sa-bagai Pesurohjaya Mahkamah Besar

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan melantek dua orang hakim ia-itu Tuan Hakim Awang Yang Ti Liang dan Tuan Hakim Awang Arthur Garcia sa-bagai Pesurohjaya Mahkamah Besar Brunei bagi tempoh sa-lama tiga tahun.

Pesurohjaya Mahkamah yang baru itu telah mengangkat sumpah jawatan di-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam satu istiadat yang berlangsong di-Istana Darul Hana pada hari Selasa lepas. Surat perlantekan mereka telah di-bachakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin.

Berangkat ka-istiadat tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Turut hadhir ia-lah Pesurohjaya Tinggi British, Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Speaker Majlis Mashuarat Negeri, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan serta Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria.

Kedua2 Hakim tersebut telah tiba di-Brunei dari Hong Kong pada 14hb Nobember yang lepas.



TUAN Hakim Awang Yang Ti Liang sedang menerima surat tauliah perlantekan sa-bagai Pesurohjaya Mahkamah Besar dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.



TUAN Hakim Awang Arthur Garcia junjong ziarah kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sa-telah menerima surat tauliah perlantekan sa-bagai Pesurohjaya Mahkamah Besar dari Baginda.

## PEMBENAAN STESHEN MINYAK DI-LULUSKAN

TEMBURONG. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan meluluskan satu tapak bagi pembenaan sabuah steshen minyak di-Daerah Temburong.

Pengumoman tersebut di-buat oleh YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-dalam satu majlis perjumpaan pendudok2 daerah tersebut dengan Yang Amat Berhormat bertempat di-Dewan Ria pada hari Sabtu lepas.

Yang Amat Berhormat yang telah juga memuji akan usaha2 masharakat daerah ini pada memberikan sokongan bagi projek tersebut seterus-nya memberitahu, masa yang begitu panjang di-perlukan bagi meluluskan-nya bukan-lah merupakan satu perkara yang di-senghajakan.

Menjelaskan perkara ini, Yang Amat Berhormat menerangkan saperti yang sama2 telah di-maalumi, kelambatan ini timbul berpuncha daripada pemilehan satu tapak yang sesuai bagi pembenaan-nya. Beberapa tapak telah di-hadapkan dan di-kaji tetapi malang-nya tidak sesuai sa-hingga-lah ia-nya di-perolehi di-mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan sukachita-nya telah berkenan meluluskan-nya.

"Dan sekarang, terserah-lah kapada tuan2 semua untok meneruskan usaha2 yang berkebajikan itu supaya steshen minyak dan perkara yang berkaitan dengan-nya itu dapat di-bena dengan sa-berapa segera yang boleh," jelas Yang Amat Berhormat itu lagi.

YAB Pemangku Menteri Besar itu merasa optimis yang "petrol station" apa-bila siap kelak akan mendatangkan munafaat kapada semua pendudok di-daerah tersebut. Yang Amat Berhormat telah juga merasa kagum apabila di-beritahu yang lebeh daripada 400 orang telah menyumbangkan modal berjumlah $100,000 lebeh dan banyak lagi yang lain bersedia menyumbangkan permodalan-nya sekira-nya projek ini dapat di-laksanakan.

"Maka sa-telah meneliti perkara saperti ini dan mengetahui dengan kagum-nya akan semangat tuan2, kini saya ingin menyampaikan sekarang bahawa Kebawah DYMM telah memperkenankan permohonan tuan2 semua supaya mengadakan "petrol station" ini dan dari sekarang boleh-lah ia-nya di-mulakan, Insha Allah," jelas Yang Amat Berhormat itu lagi.

Lihat muka 20

### Pendudok2 gembira sambut 'steshen minyak'

BANGAR, Temburong. — Pengumoman Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz meluluskan tapak dan pembenaan steshen minyak di-daerah ini telah di-sambut dengan gembira oleh segenap lapisan masharakat di-daerah ini.

Dengan ada-nya steshen minyak ini kelak, ramai perchaya yang masaalah pembekalan minyak ka-daerah ini akan dapat di-atasi dan perchaya mereka akan menerima perkhidmatan2 yang jauh lebeh baik daripada yang terdapat sekarang ini.

Dan berikutan dengan pengumoman tersebut, satu mashuarat akan di-adakan oleh jawatankuasa Sharikat Menjual Minyak Bersama daerah ini untok membinchangkan langkah2 yang akan di-ambil untok menyegerakan perlaksanaan steshen minyak yang di-maksudkan.

Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdullah, Setiausaha sharikat itu ketika di-te-

Lihat muka 20

### Manis-nya Iman

TIADA-LAH kebaikan pada mendampingi orang yang tidak memberi perhatian terhadapmu saperti mana engkau memberi perhatian terhadap-nya."
—HADITH Nabi riwayat Ad-Dilmi daripada Anas radhiallahu 'anhu.

## Pertunjokan feshen pakaian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduda Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah menjadi tetamu kehormat dalam satu pertunjokan feshen pakaian "Dunia Batek Koleksi 1983" yang berlangsong di-Dewan Raya, Radio Talivishen Brunei pada malam hari Sabtu 27hb Nobember lepas.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna seterus-nya telah menyempurnakan perasmian pertunjokan tersebut dengan memukol gong. Terdahulu dari itu uchapan alu2an telah di-sampaikan oleh Pengarah Eksekutif, RD Associates Dayang Zaihah bte Mohd Aris.

Mengambil bahagian dalam pertunjokan yang di-panggil "Dunia Batek Koleksi 1983" pada malam itu terdiri dari lima orang peragawati dan sa-orang peragawan terkemuka dari Act One Modelling Academy, Malaysia yang bertaraf antarabangsa.

Pengarah Eksekutif, Dyg Zaihah juga telah menyampaikan chenderamata kapada YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan kapada Datin Edah Haji Mohd Noor, isteri Pemangku Setiausaha Kerajaan selaku penaong pertunjokan itu.

Turut berangkat bagi menyaksikan pertunjokan pada malam itu ia-lah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria.

Pertunjokan tersebut adalah anjoran sa-buah firma tempatan, RD Associates (B) Pte Ltd, dengan kerjasama Batek Malaysia Berhad yang telah menyediakan kira2 48 pasang pakaian, yang meliputi pakaian tradisi, baju kurung dan kebaya dan lain2 yang berchorak batek, songket dan tenunan.

Sa-bahagian dari hasil pertunjokan dan jualan pada malam itu dan yang telah di-adakan di-Sheraton Utama Hotel akan di-dermakan kapada Tabong Anak2 Yatim Negeri Brunei.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna ketika berangkat ka-pertunjokan feshen pakaian yang di-adakan di-Dewan Raya RTB.

Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

1HB DISEMBER, 1982

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## Perniagaan dan Perusahaan :

## ZAMAN 'PENGALU' SUDAH PUN BERLALU

Tidak shak lagi bahawa perusahaan dan perniagaan di-zaman ini tidak lagi dapat di-sebut sa-chara sambilan atau di-simbat-simbat sahaja. Bidang tersebut telah semakin menchabar dan memerlukan bukan sahaja modal dalam ertikata kewangan bahkan juga modal dalam ertikata pengetahuan dan kemahiran.

Uchapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar semasa merasmikan Mashuarat Agong Dewan Perniagaan Melayu baru2 ini telah menegaskan lagi hakikat tersebut. Kita perchaya ramai di-antara pengusaha2 kita sendiri juga sedar akan hakikat tersebut.

Dan saperti yang di-sebutkan oleh Yang Amat Berhormat bahawa "zaman 'pengalu' sudah pun berlalu, barang2 perindustrian menjadi bahan perniagaan menggantikan belachan dan ikan masin, barang2 pertukaran saperti beras dan sayor-sayoran di-gantikan wang ringgit yang berjuta-juta nilai-nya," maka orang2 kita yang memasoki bidang perniagaan dan perusahaan pada zaman ini tentu-lah tidak lagi akan setakat menjadi pengalu. Sebab usaha-niaga dan chorak pengalu itu sudah banyak berubah kapada chorak yang lebeh luas skop-nya serta lebeh tinggi pula risiko-nya. Dalam keadaan ini maka chara perniagaan atau perusahaan 'menyimbat2' bukan sahaja tidak menjamin kejayaan yang sebenar bahkan tidak menepati ertikata usaha-niaga yang di-kehendaki pada mengetara serta mengesankan penyertaan orang2 kita dalam kegiatan ekonomi negeri ini.

Kita sebenar-nya berchakap mengenai usaha-niaga sa-chara besar-besaran. Dan uchapan Yang Amat Berhormat itu sa-chara khusus dapat di-fahamkan ada-lah mengenai keperluan penyertaan orang2 kita dalam kegiatan ekonomi sa-chara berkesan dan lebeh ketara.

Bagaimana pun kita hendak-lah tidak mentafsirkan-nya sebagai mengenepikan hakikat bahawa tidak semua orang2 kita akan sampai keperengkat perniagaan dan perusahaan yang besar. Ramai yang berada di-perengkat sederhana dan kechil-kechilan. Mereka itu memang di-harapkan untok meningkat tetapi kenyataan yang lazim-nya di-nampak tidak-lah semua orang boleh menjadi 'gergasi' perniagaan dan perusahaan kalau pun ramai orang yang berchita-chita sedemikian.

Kerana itu Kerajaan sendiri tetap mengambil kira akan kedudokan penyertaan orang2 kita di-perengkat kechil-kechilan dan sederhana. Sekurang-kurang-nya setakat sekarang bantuan dan galakan Kerajaan banyak di-berikan kapada perniagaan dan perusahaan kechil-kechilan dan sederhana itu. Sebab apa pun perkembangan dalam kegiatan ekonomi Kerajaan menyedari bahawa penyertaan sebahagian besar orang2 kita tentu akan berdasarkan tingkat-tingkat yang dapat mereka chapai. Maka dari segi ini tidak berbangkit soal mengenepikan kepentingan peniaga2 dan pengusaha2 kechil serta sederhana.

Sebenar-nya perhatian kita kapada bidang perniagaan dan perusahaan yang sangat menchabar itu menjadikan kita menaroh hasrat dan harapan yang tinggi. Kita sentiasa mengaitkan-nya dengan kepentingan kenegaraan di-mana penyertaan yang berkesan dan lebeh ketara sepatut-nya jelas di-nampak. Maka dalam hubongan ini-lah hendak-nya kita memahamkan uchapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu.

## Perniagaan dan perusahaan bumiputera:

# KERAJAAN PELBAGAIKAN SOKONGAN

**BERIKUT ia-lah uchapan Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan Mashuarat Agong Dewan Perniagaan Melayu Brunei pada 21hb. Nobember, yang lalu.**

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah yang telah menghalalkan perniagaan dan mengharamkan riba'. Selawat serta salam keatas junjongan kita nabi Muhammad s.a.w. yang telah mengangkat darjat orang2 yang berusaha sendiri.

Terlebeh dahulu saya mengambil kesempatan ini bagi menyampaikan berbanyak-banyak terima kaseh dan sa-tinggi2 penghargaan kapada yang Dipertua dan pemimpin2 Dewan Perniagaan Melayu Brunei ini kerana sudi menjemput saya hadhir dan seterus-nya membuka rasmi permashuaratan agong yang berlangsong hari ini.

Dalam majlis keshukoran sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-36 tahun yang di-adakan oleh Dewan Perniagaan Tiong Hwa bertempat di-Dewan Persantapan Lapau baru2 ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, di-antara lain telah bertitah pada menekankan bahawa dalam mengusahakan kegiatan2 ekonomi negeri ini ada-lah juga mustahak bagi pengusaha2 Tiong Hwa menyedari bahawa kegiatan2 sedemikian itu hendak-lah sentiasa di-asaskan sa-bagai satu sumbangan ka-arah kemajuan dan pembangunan negeri Brunei.

Baginda seterus-nya bertitah pada menyatakan harapan Baginda dalam menekankan bahawa ada-lah tidak memadai dan hanya menghampakan matalamat kerajaan Baginda jika pengusaha2 dalam menyokong seruan kerajaan Baginda pada mengambil berkhidmat orang2 Brunei itu lebeh banyak bersikap sa-bagai menghiasi sharikat2 atau perusahaan2 mereka dengan orang2 Brunei sahaja tanpa di-sertai dengan kesunggohan pada membimbing dan memberikan latehan2 yang bersesuaian dan menchukopi. Oleh yang demikian Baginda berharap supaya pengusaha2 Tiong Hwa di-negeri ini akan sama2 dapat mengamalkan sikap jujor dan ikhlas dalam menjalankan aktiviti2 ekonomi di-negeri ini, termasok-lah kejujoran dan keikhlasan dalam melateh dan membimbing orang2 Brunei.

### TIDAK BERTAPOK2

Maka jelas-lah sudah kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan tidak bertapok-tapok lagi memberikan segala sokongan yang boleh di-ungkayahkan dalam mengketengahkan peniaga2 dan pengusaha2 yang terdiri daripada orang2 Brunei sendiri. Tentu-lah dasar kerajaan yang di-amalkan ini besar makna-nya kapada peniaga2 dan pengusaha2 yang terdiri daripada orang2 Brunei.

Dalam menchapai objektif negeri yang murni ini, kerajaan telah menjalankan beberapa langkah dan akan terus mengambil langkah2 yang positif, yang terungkayah dan bersesuaian bagi mempelbagaikan sokongan kapada peniaga2 dan pengusaha2 yang terdiri dari orang2 Brunei itu. Tidak payah-lah rasa-nya saya senaraikan sekali lagi apakah dia jenis2 pertolongan yang sedang di-berikan oleh kerajaan itu kerana saya perchaya sa-bahagian besar dari biskita di-sini sedang mengikuti atau pun akan mengikuti sekim2 yang tertentu anjoran kerajaan.

Tetapi apa yang saya sukachita menyatakan berterus terang ia-lah usaha meninggikan daya penyertaan orang2 Brunei dalam perniagaan dan perusahaan bukan-lah merupakan satu matalamat yang boleh terchapai dalam jangka waktu yang sengkat, malah usaha itu ada-lah merupakan satu perkara yang berterusan dan matalamat penchapaiannya sentiasa di-tinggikan dari satu masa ka-satu masa mengikut kemampuan dan aspirasi negara.

Penyertaan orang2 Brunei dalam bidang perusahaan dan perniagaan tidak semesti-nya akan dapat di-chapai dengan hanya menitekberatkan sudut penyertaan kewangan. Penyertaan kewangan tanpa pengalaman yang chukop akan mendedahkan pengusaha2 dan peniaga2 orang Brunei kapada eksplotasi oleh golongan yang lebeh chekap. Begitu juga penyertaan dari sudut pengurusan sahaja tanpa kewangan akan boleh menjadikan peniaga2 dan pengusaha2 itu menjadi gegaran dan submissive. Yang lebeh sempurna dan tahan lasak ia-lah penyertaan dari segi kewangan dan pengurusan. Hanya dengan itu credibility peniaga2 dan penguasa2 orang2 Brunei akan menjadi kuat dan menjadikan mereka lebeh berani serta di-galati dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

### PENIAGA2 MUDA

Dalam memajukan peniaga2 dan pengusaha2 bumiputera, saya berpendapat akan tidak sempurna penchapaian-nya kalau kita hanya berharapkan semata-mata kapada golongan2 peniaga2 dan pengusaha2 yang terdapat sekarang. Untok menchapai kejayaan khusus-nya dalam pengurusan kita menghendaki pertumbohan peniaga2 dan pengusaha2 yang terdiri daripada orang2 muda.

Mereka ini ada-lah di-sifatkan sa-bagai daya penggerak dalam memajukan lagi penyertaan orang2 Brunei. Dalam pada itu gulongan peniaga2 dan pengusaha2 muda itu memerlukan pimpinan dari mereka yang sudah established. Maju dan mundor-nya gulongan baru itu banyak bergantong kapada kejujoran dan keikhlasan pimpinan dari mereka yang sudah established itu.

Kerajaan sendiri tidak sunyi daripada mengambil langkah2 yang berpatutan dalam usaha meninggikan lagi penyertaan peniaga2 dan pengusaha2 orang2 Brunei dalam memberikan perkhidmatan dan mendapatkan kerja2 yang di-fikirkan boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan. Sa-bagai satu langkah yang telah di-ambil ia-lah pembentokan satu 'steering committee' yang bertujuan bagi membanyakkan penyertaan orang2 Brunei dalam kerja2 pemborongan dengan Sharikat Minyak Shell Brunei. Sharikat Minyak Shell Brunei sendiri menyambut baik usaha kerajaan itu, dan bersedia memberikan kerjasama.

Sejauh yang melibatkan sektor kerajaan, ternampak pemborong2 Melayu telah berjaya melipat-gandakan penyertaan mereka dalam kerja2 awam, dan kerajaan sendiri pula banyak membuka peluang untok mereka sa-chara yang di-fikirkan sesuai atau berpatutan.

Dalam pada itu ada-lah satu kenyataan bahawa aktiviti2 perniagaan dan perusahaan sekarang kebanyakan-nya sudah pun menjadi sophistikated dan untok benar2 berjaya di-dalam-nya sa-seorang itu mesti-lah benar2 dedikasi dan commited untok membuat-nya. Perusahaan dan perniagaan di-zaman moden ini tidak dapat lagi di-buat sa-chara sambilan atau di-simbat2 sahaja. Zaman 'pengalu' sudah pun berlalu. Barang2 perindustarian menjadi bahan perniagaan menggantikan 'belachan' dan 'ikan masin'. Barang2 pertukaran saperti beras dan sayor2an di-ganti dengan wang ringgit yang berjuta2 nilai-nya.

### DI-GALATI

Dengan kenyataan tadi, untok menjadi lebeh di-galati dalam perniagaan atau perusahaan yang besar, pengusaha2 dan peniaga2 Melayu di-negeri ini patut-lah mulai dari sekarang, sa-lain daripada menumpukan usaha2 persendirian, juga menitekberatkan usaha sechara perkumpolan atau berkongsi, saperti melalui sharikat kerjasama dan seumpama-nya. Dalam usaha perkumpolan, kewangan yang sedikit boleh di-perbanyakkan, tenaga dan pengalaman yang rendah boleh di-pertinggikan. Saya perchaya dalam usaha saperti itu Dewan Perniagaan Melayu Brunei akan memainkan peranan yang penting dalam memberikan pimpinan dan tunjok ajar bukan sahaja kapada ahli2-nya malah kapada semua kaum bangsa mereka yang berkenaan. Bukan-lah satu perkara yang mengaibkan jika dalam konsep perniagaan saperti ini kita akan menchontohi kemajuan yang telah di-chapai oleh orang2 Tiong Hwa dalam bidang perusahaan dan perniagaan di-negeri ini.

Kita sedang tertunggu-tunggu bagi Dewan Perniagaan Melayu ini melipat-gandakan peranan-nya dalam mendatangkan konsep perniagaan dan perusahaan yang moden kapada anak2 bangsa mereka sendiri yang berada di-negeri ini. Saya penoh perchaya jika usaha saperti itu akan di-lakukan sechara jujor dan ikhlas dan bukan dengan chara 'penunjok lurus, kelingking berkait', ia akan menempoh kejayaan, Insha Allah.

Wajar-lah di-ingat sekali lagi dalam menchapai perlaksanaan atau kejayaan penyertaan orang2 Melayu Brunei dalam perusahaan dan perniagaan, mereka yang berkenaan itu mengambil peranan yang sangat penting dan galakan serta dorongan kerajaan sahaja tidak menchukopi.

## Pengurusan personel:

# UNTOK MENCHAPAI EFISHENSI DAN KEADILAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Konsep pengurusan personel bertujuan untok menchapai efishensi dan keadilan dalam memberikan dan menerima perkhidmatan atau tanggong-jawab yang dua hala ia-itu pekerja kapada majikan dan majikan kapada pekerja.

Untok bersifat adil kapada majikan pekerja diharapkan supaya memberikan perkhidmatan yang sempurna. Sa-balek-nya untok bersifat adil kapada pekerja majikan diharapkan supaya tahu menilai perkhidmatan pekerja.



Awang Haji Mohd Salleh

Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Setiausaha Kerajaan menjelaskan demikian dalam cheramah rengkas-nya kapada pegawai2 Dewan Bahasa dan Pustaka yang menghadhiri Kursus Itensif Pengurusan Personel Di-Dalam Sektor Awam di-Bilek Kuliah, DBP di-sini pada 16hb. Nobember lepas.

"Puncha kelemahan kapada pengurusan ia-lah apabila pekerja itu lupa terhadap tanggong-jawab-nya. Berbedza dengan pekerja2 di-sektor persendirian, pekerja2 di-sektor awam atau kerajaan sa-lain dari bertanggong-jawab kapada kerajaan ia juga bertanggong-jawab kapada orang ramai."

Dalam pada itu perlu juga di-ingat kata Awg. Hj. Mohd. Salleh lagi, kehendak2 sa-sebuah negeri memainkan peranan yang penting dalam mempengarohi konsep pengurusan personel. Dalam ertikata konsep pengurusan personel yang di-amalkan di-negeri2 luar tidak sa-mesti-nya sesuai dengan konsep pengurusan personel yang akan atau sedang kita amalkan di-negeri ini. Dengan lain perkataan konsep pengurusan personel itu tidak sa-mesti-nya bersifat universal, perkara ini mesti-lah di-ingat sabelum kita menerima satu2 konsep dalam pengurusan personel itu, beliau mengingatkan.

Menyentoh tentang perubahan yang berlaku sekitar kita pada masa ini, Awg. Hj. Mohd. Salleh berkata, pada keselurohan-nya perubahan ada-lah baik, kerana tanpa perubahan sa-sebuah pejabat itu akan menjadi statik, lembab perjalanan-nya, ketinggalan oleh keadaan sekeliling-nya.

Dalam pada itu, katanya lagi, perubahan menerima tentangan daripada kakitangan samada tentangan sa-chara serius atau pun di-tunjokkan sambil lalu ini bukan-lah perkara yang tidak mungkin berlaku.

## Peluang uji bakat dalam Pertandingan Mutika 83

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio Talivishen Brunei akan menganjorkan pertandingan Mutika 1983 untok menchungkil bakat2 penyanyi tanah ayer dalam bidang senisuara.

Penyanyi2 tempatan yang beminat untok memasoki pertandingan tersebut boleh mendapatkan borang2 penyertaan dan sharat2 saperti berikut:—

Bagi peserta2 di-Daerah Belait borang2 diperolehi dari Pejabat Radio Kuala Belait, di-Daerah Tutong di-Pejabat Penerangan Tutong, di-Daerah Temburong di-Bilek Bachaan Temburong dan di-Daerah Brunei-Muara di-Jabatan RTB Tingkat 3, Bahagian hiboran.

Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 23hb. Disember, 1982.

## Harga kereta Madza RX7

**HARGA kereta Mazda RX 7 Model FA 22 AAS yang di-tetapkan oleh Pengawal Harga ia-lah $25,115.00 dan bukan-nya $25,155.00 saperti yang di-siar dalam Pelita Brunei keluaran 10hb Nobember yang lalu.**




**PENGURUS Umom Diraja Brunei, Awang David Lowe menyampaikan sijil tersebut kapada Ak Kamarulzaman.**

## Penyampaian Sijil Penerbangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ak. Kamarulzaman bin Pengiran Mohd. Salleh, kadet juruterbang Diraja Brunei yang ketiga telah menerima sijil penerbangan-nya pada 25hb. Nobember yang lalu. Majlis penyampaian sijil Lesen Juruterbang Pengangkutan Penerbangan itu telah di-sampaikan oleh Pengurus Umom Diraja Brunei, Awang David Lowe dalam satu majlis di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (gambar atas).

Ak. Kamarulzaman memperolehi lesen pemandu kapalterbang pada 22hb. Oktober yang lalu di-Perth, Scotland. Beliau sekarang berada di-sini untok berchuti sa-belum pergi ka-New Zealand untok menjalani latehan lanjut. Ak. Kamarulzaman tersebut dengan Sharikat menjalani latehan Penerbangan New Zealand sa-bagai pembantu juruterbang dalam penerbangan dalam negeri.

Ak. Kamarulzaman ia-lah bekas penuntut Maktab SOAS dan berkhidmat dengan Sharikat Diraja Brunei dalam bulan Julai, 1982.

## Hadhiri Kursus di-K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Kebudayaan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Juned bin Haji Ramli kini berada di-Kuala Lumpur untok menjalani penempatan sambil bekerja di-Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan Malaysia.

Awang Juned mengikuti kursus tersebut sa-lama dua bulan.

## Penuntut2 tinjau Jabatan Ukor

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 22 orang pasokan kadet dari Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong telah mengadakan lawatan ka-Pejabat Ukor pada hari Rabu lepas. Penuntut2 tersebut yang terdiri dari penuntut2 tahun I dan II telah di-ketuai oleh Chegu Matamit bin Ratu.

Antara bahagian2 yang telah mereka lawati di-jabatan tersebut ia-lah Yunit Peta Penerangan, Bahagian Melukis Pelan, Bahagian Perhitongan dan Yunit Membuat Peta Gambar2 Dari Udara. Sa-panjang lawatan itu mereka telah di-beri penerangan oleh Penolong Juru Ukor Kanan, Awang Taib bin Haji Mohd Said.

## Ketetapan harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga2 barang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 1hb Disember, 1982.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — $23.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   A. Muthian
   No. 6, Jalan McArthur.
   Ming Thai Company
   No. 32, Jalan Sultan.
2. PUSU KERING — $8.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Jin Hin
   No. 69 Jalan McArthur.
   Khim Eng Company
   No. 54 Jalan Sultan.
3. KULAT KERING BERTANGKAI—$2.30 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Hock Huat
   No. 62, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — $25.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Sharikat M. Haji
   No. D2 Chinese Chamber of Commerce
   Koh Kee
   No. 60 Jalan Pretty.
2. PUSU KERING—$8.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Koh Kee
   No. 60 Jalan Pretty.
   S. S. Sa'adiah
   No. 92, Jalan McKerron.
3. KULAT KERING BERTANGKAI—$2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Yick Yuen
   No. 3 Jalan Pretty.
4. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Ng Ming Hong
   No. E Chinese Chamber of Commerce.
   Guan Heng
   No. 30 Jalan Sungai.
   S. S. Sa'adiah
   No. 92, Jalan McKerron.

**SERIA**

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — $25.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Haji C. A. Mohammad & Son.
   No 51 Jalan Bunga Kuning.
   Chop Nam Wah
   No. 64 Jalan Bunga Kenanga.
2. PUSU KERING — $9.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   Hudson Company
   No. 9 Jalan Sultan Omar Ali.
   Foo Hap Seng
   No. 20 Jalan Sultan Omar Ali.
   Soon Heng
   No. 50B Jalan Bunga Kuning.
   Chop Kim Huat
   No. 53 Jalan Bunga Kuning.
3. KULAT KERING BERTANGKAI—$2.40 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Nam Wah
   No. 64 Jalan Bunga Kenanga.
4. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chin Soong Hin
   No. 3 Jalan Sultan Omar Ali.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak mulai 1hb. hingga 7hb. Disember

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Panglima Beruddin, Limau Manis | 1.12.1982 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 1.12.1982 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 1.12.1982 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 4.12.1982 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 4.12.1982 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 4.12.1982 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 4.12.1982 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 4.12.1982 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 4.12.1982 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Kampong Serasa | 5.12.1982 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama | 5.12.1982 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 5.12.1982 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 6.12.1982 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai Kampong Perpindahan, Berakas. | 6.12.1982 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 7.12.1982 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 7.12.1982 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# PENDIDEKAN DALAM ISLAM

### Adab Guru

2. Sa-tengah dari adab guru itu: Hendak-lah ia bertujuan pada mengajar-nya itu sa-mata2 kerana Allah Ta'ala dan jangan ia qasadkan kerana hendak dapat sa-suatu tujuan dunia, saperti menchari harta, atau nama atau kemegahan atau pandangan hormat orang atau berbedza dari rakan2, atau menchari banyak penuntut, atau banyak orang datang belajar kapada-nya, dan lain2 seumpama-nya, jangan-lah ia pudarkan ilmu-nya dengan tamak akan kemudahan2 yang akan di-perolehi-nya daripada orang2 yang datang kapada-nya saperti kemudah-an layanan atau harta sama ada banyak atau sedikit, dan seumpama kedua2-nya, sekali pun merupakan hadiah yang jikalau ia tiada mengajarkan ilmu-nya nes-chaya ia tiada di-hadiahkan kapada-nya.

## Siri ke-160

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Ash-Shura Ayat 20 yang tafsir-nya: *"Barang siapa berkehen-dakkan dengan amal-nya itu keuntongan akhirat dan pahala-nya, maka kami (Allah) tambahkan bagi-nya pahala-nya ber-ganda-ganda, satu pa-hala di-tambah pada-nya sa-puloh pahala atau le-beh, dan barang siapa berkehendakkan keun-tongan dunia dan balas-an-nya, maka Kami (Allah) akan memberi-nya balasan dunia dengan tidak berganda2, dan ti-ada-lah bagi-nya di-akhi-rat sa-suatu habuan pun."*

**Neraka Jahanam**

Firman Allah Ta'ala lagi dalam Surah Al-Isra Ayat 18 yang tafsir-nya: *"Barang siapa berkehen-dakkan dunia, maka Kami (Allah) segera beri-kan kapada-nya sa-masa hidup di-dunia lagi, bagi siapa yang kami kehen-dakkan segera, kemudian kami sediakan bagi-nya di-akhirat kelak neraka jahanam, ia masok ka-dalam-nya dengan keada-an ia di-chercha dan jauh dari rahmat kasehan Ka-mi (Allah)."*

Telah di-riwayatkan dalam Sahih Muslim daripada sahabat Abu Hurairah (Radhiallahu 'Anhu) ia mengatakan yang erti-nya:

*"Saya telah mendengar Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wasallam) ber-sabda: "Bahawa mula-mula orang di-bicharakan pada hari kiamat, sa-orang lelaki telah mati shahid (pada jalan Allah dan perang sabilullah,), maka di-bawa ka-hada-pan, maka Allah kenal-kan dia akan nikmat2 Allah ka-atas-nya, maka lelaki itu pun tahu dan kenal akan nikmat Allah itu ka-atas-nya, maka firman Allah kapada-nya: "Apa yang kamu telah buat dengan nik-mat2 itu? Lelaki itu men-jawab: "Hamba telah berperang kerana Tuhan hamba, sa-hingga hamba mati di-medan pertem-poran," Firman Allah: Kamu berdusta tetapi ka-mu berperang, supaya orang berkata: "Kamu orang berani, dan telah pun di-katakan begitu. Ke-mudian Malaikat pun di-perintahkan supaya me-narek lelaki itu dan me-runton di-atas muka-nya sa-hingga di-champakkan dia ka-dalam neraka. Dan sa-orang lelaki lain telah mengaji ilmu dan telah mengajarkan ilmu, dan telah pandai membacha Al-Kor'an, maka di-bawa ia ka-hadapan, maka Allah kenalkan nikmat2 Allah ka-atas-nya, maka lelaki itu pun kenal akan nikmat2 Allah ka-atas-nya, Firman Allah: "Apa-kah kamu buat de-ngan nikmat2 itu?" Lelaki itu menjawab: "Hamba belajar ilmu dan hamba mengajar-nya dan hamba membacha Al-Kor'an sa-mata2 kerana Tuhan hamba," Firman Allah: "Kamu berdusta, tetapi kamu belajar, supaya orang kata: "Kamu orang 'alim, dan kamu bacha Al-Kor'an supaya orang kata: Kamu qari, demikian orang pun me-ngatakan begitu. Kemu-dian di-perentahkan Malai-kat menyeret lelaki itu la-lu di-runtonkan di-atas muka-nya sa-hingga di-champakkan dia ka-dalam neraka."*

Kitab Sahih Muslim yang menerangkan per-kara ini ada-lah sa-benar2 kitab sa-lepas Sahih Al-Bukhari dan Al-Kor'an.

**Dalil Tidak Ikhlas**

Ini-lah dia dalil2 yang menchercha, mengkeji dan menempelak orang2 yang menggunakan ilmu dan ke-pandaian-nya bukan sa-mata2 kerana Allah, bukan ikhlas kapada Allah dan bukan jujor kerana Allah serta menjunjong titah Al-lah Subhanahu Wata'ala, yang di-ambil dari Ayat Al-Kor'an dan hadith.

Telah sah dan thabit ri-wayat daripada Al-Imam As-Shafi'e yang mati tahun 204 Hijrah (Rahimahulla-hu Ta'ala) kata-nya yang erti-nya: *"Saya suka dan berharap2 bahawa orang2 yang datang belajar ilmu ugama ini daripada saya, tetapi jangan mereka kata-kan sa-suatu ilmu itu saya dapat daripada As-Sha-fi'e."*

Kata Al-Imam Qadhi Al-Qudzth Abu Yusof (Rahimahullahu Ta'ala) ia-itu anak murid Al-Imam Abu Hanifah yang meninggal tahun 150 Hij-rah (kadhi zaman Keraja-an Bani Abbas di-Bagh-dad) yang terkenal dan mashor perkataan-nya itu lebeh kurang begini:

*"Hai manusia, hendak-lah kamu qasadkan ilmu kamu kerana Allah sa-mata2, kerana apa bila sa-ya dudok dalam satu maj-lis, dan saya berniat akan bertawadhu' maka saya dapati yang saya boleh mengatasi orang lain dan menang dalam perbahathan ilmu di-majlis itu tetapi apa bila saya dudok dalam satu majlis, dan saya ber-niat untok menang ka-atas hadhirin, maka saya akan mengalami kechewa dan gagal."*

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

# Pembenaan dua buah masjid

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Bilangan masjid di-negeri ini akan bertam-bah lagi dengan terdiri-nya lagi masjid di-Daerah Bru-nei-Muara yang di-jangka siap dalam awal tahun 1984 nanti.

Kerja2 perengkat per-tama bagi pembenaan masjid yang terletak di-Kampong Sungai Kebun dan di-Kampong Sengku-rong sedang giat berjalan ketika ini. Ia-nya telah bermula awal bulan ini dan di-jangka siap dalam masa tiga bulan.

Kerja2 bagi masjid Kampong Sungai Kebun di-buat oleh Sharikat Amas manakala bagi mas-jid Kampong Sengkurong di-jalankan oleh Sharikat Ketua yang merupakan sharikat2 pemborong tem-patan.

Minggu lalu pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan pegawai2 dari Jabatan Ukor telah pergi ka-tapak2 pembenaan ter-sebut buat menentukan arah kiblat sa-belum ker-ja2 selanjut-nya di-jalan-kan.

Juruchakap Akitek Per-ikatan yang bertanggong-jawab bagi pembenaan kedua2 masjid tersebut memberitahu Pelita, se-mentara kerja2 perengkat awal di-jalankan, tender bagi kerja2 penyelesaian atau perengkat kedua akan di-tawarkan dalam bulan depan.

Masjid2 tersebut bila siap nanti akan boleh me-nampong sa-ramai 1,500 orang jemaah dan mem-punyai menara yang di-buat daripada anodized aluminium yang besar-nya 35 kaki mengikut garis pusat dan tinggi bagi ke-dua-nya ia-lah 65 kaki.

Oleh kerana kawasan tidak begitu menchukopi, masjid di-Kampong Sun-gai Kebun akan mengan-dongi dua tingkat.

Masjid di-Kampong Sengkurong di-bangunkan di-tanah sa-luas 7.74 ekar yang di-wakafkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Noor bin Pehin Orang Kaya Laksamana Awang Haji Abdul Rajak. Ia-nya akan mengandongi halaman yang boleh menampong sa-banyak 300 petak letak kereta.

Sementara itu kerja2 pe-nambahan bagi Masjid Pekan Seria di-Daerah Be-lait yang bermula awal ta-hun ini juga sedang ber-jalan lanchar.

Jabatan Kerja Raya Kuala Belait yang bertang-gong-jawab mengawasi kerja2 tersebut menyata-kan yang lebeh daripada 60 peratus projek tersebut telah pun siap.

Ada-lah di-fahamkan yang kerja2 penambahan tersebut di-samping ruang untok sembahyang dan be-rudhu juga sa-buah me-nara yang tinggi-nya kira2 80 kaki.

Dengan siap-nya penam-bahan yang di-jangka siap dalam awal tahun depan itu nanti, masjid tersebut akan boleh menampong sa-ramai 1,500 orang jemaah.



KERJA2 penambahan bagi Masjid Pekan Seria yang di-jangka siap awal tahun depan (atas). Gambar bawah ia-lah bentok masjid Sungai Kebun (kiri) dan bentok masjid Sengkurong.








Sa-telah berlalu beberapa kurun :

# UMAT ISLAM MENJADI MUNDOR DAN LEMAH

MARI-LAH kita tetap tegoh bertakwa kapada Allah s.w.t dengan sa-benar2 takwa kerana orang yang sa-benar2-nya berjaya di-dalam hidup di-dunia dan akhirat itu hanya-lah orang2 yang bertakwa.

Ketahui-lah tuan2 bahawa Allah s.w.t. telah berfirman di-dalam Al-Kor'an kira2 maksud-nya: *"Sesunggoh-nya Allah tidak mengubah kea-daan yang ada pada sa-suatu kaum itu sehingga-lah mereka itu sendiri mengubah keadaan yang ada pada diri mereka."*

Ada-lah keadaan umat Islam pada zaman2 permulaan-nya kuat berpegang kapada kitab suchi Al-Kor'an, mengamalkan sunnah2 Rasulullah s.a.w. betul akidah-nya, baik amal perbuatan-nya, bagus chara mua'malah dan adat-nya, mulia akhlak-nya, awas pada urusan ugama dan dunia-nya dan tinggi adab dan ilmu pengetahuan-nya, maka jadi-lah mereka satu umat yang kuat, gagah, hebat, berkuasa dan berpengaroh besar di-kalangan mereka dan di-kalangan lain2 umat di-dunia.

Tetapi sa-telah berlalu beberapa kurun bertukar-lah pula keadaan-nya, semakin lemah pegangan-nya kapada kitab suchi Al-Kor'an, bergonchang akidah-nya, burok chara mua'alah dan adat-nya, jatoh akhlak-nya, kurang faham tentang urusan ugama dan dunia-nya, mundor tentang ilmu pengetahuan dan chara2 meningkatkan segala macham perusahaan dan sa-bagai-nya.

Maka jadi-lah mereka rendah dan hina, tiada di-segani oleh kawan dan lawan, mundor di-segenap bidang, amat bergantong kapada lain2 umat bukan Islam, mudah terikut dengan adat2 dan pengaroh2 umat2 yang lebeh maju, dan merasa rendah diri terhadap ugama dan ajaran2 Islam yang tinggi.

Firman Allah Ta'ala di-dalam Al-Kor'an kira2 maksud-nya: *"Allah tiada sekali2 menganiya mereka, tetapi mereka-lah yang menganiya diri mereka".*

**PERUBAHAN**

Perubahan dari tinggi kapada rendah, dari mulia kapada hina, dari maju kapada mundor, dari penoh berkuasa kapada tiada berkuasa, daripada berpengaroh kapada tiada berpengaroh, daripada kuat kapada lemah, dan daripada baik kapada burok dan seumpama-nya, semua-nya itu bersebab dari perbuatan aniya dari umat Islam sendiri. Perubahan itu mereka sendiri melakukan, mereka tidak mempertahankan keadaan yang baik dan mulia itu, lalu di-belakangkan petunjok2 dan hukum2 Al-Kor'an, di-ketepikan ajaran2 sun-nah rasulullah, lalu di-turutkan kemahuan hawa nafsu, terpesona dengan kemajuan2 dan tamaddun2 palsu, lalu di-sangka-lah bebas berbuat apa sahaja itu sa-bagai kebebasan-nya yang baik apa sahaja yang datang dari barat mithal-nya tiada-lah di-pileh2 lagi mana yang baik mana yang burok terus sahaja di-anggap baik, orang lelaki barat pakai kalong sa-bahagian kita pun pakai kalong, padahal pakai kalong itu pakaian orang perempuan sedangkan menyerupai perempuan itu di-laknat oleh Allah Ta'ala. Orang perempuan barat ber-pakaian sa-paroh telan-jang, maka sa-tengah perempuan Islam pun terikut2 berpakaian sa-paroh telanjang. Orang lelaki bukan Islam gila2 berambut panjang maka sa-tengah2 umat Islam pun turut2an berambut panjang, demikian-lah sa-bahagian keadaan umat Islam, suatu kea-daan yang menggam-barkan kehilangan peribadi Islam dan ketan-dusan identiti.

Kita amat hormat kapada orang Islam yang berusaha beramal dengan petunjok2 Al-Kor'an, kita amat hormat kapada masharakat Islam yang berusaha berpegang kapada ajaran2 Islam yang sahih yang benar, kita amat hormat kapada pelajar2 kita yang berusaha menimba ilmu pengetahuan di-dalam dan di-luar negeri untok di-gunakan bagi faedah negara dan umat Islam. Kita amat hormat kapada orang2 yang tegoh pen-dirian terhadap Islam, kita amat hormat kapada orang2 yang suka mengutama dan menghormati hukum2 Islam.

**MEMBANGUN SEMULA**

Kerana usaha2 sa-demikian itu ada-lah suatu langkah kearah membangun semula umat Islam kearah kemuliaan, ketinggian, kekuasaan dan kekuatan sa-bagaimana yang di-kehendaki umat Islam.

Ketahui-lah oleh tuan2 bahawa keadaan umat Islam akan hanya ber-tambah baik, akan hanya bertambah mulia, akan hanya bertambah kuat, akan hanya bertambah pengaroh, akan hanya bertambah maju ia-lah dengan berpegang tegoh dan mengamalkan petun-jok2 Al-Kor'an dan sun-nah Rasulullah.

Sabda Rasulullah s.a.w. erti-nya: *"Telah aku tinggalkan kapada kamu apabila kamu berpegang tegoh dan beramal dengan ajaran2-nya neschaya tiada-lah kamu sekali2 akan sesat sesudah saya, ia-itu kitab Allah (Al-Kor'an) dan sun-nah Rasul-Nya Nabi Mohammad s.a.w.".*

Dari itu wahai kaum Muslimin, mari-lah kita meluruskan akidah dan iman kita, mari-lah kita beramal dengan segala surohan2 Allah dan rasul-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya, mari-lah kita beradab dan berperangai dengan adab dan perangai di-dalam Islam, mari-lah kita bekerja dan berusaha dalam semua lapangan menurut lan-das2 yang di-tentukan oleh Islam, mudah2an dengan demikian dapat-lah kita mengembalikan kehilangan umat dan negara Islam sa-bagai umat yang paling baik pernah di-keluarkan di-kalangan sekelian umat manusia.

## Pemuda Filipina memelok Ugama Islam

BERAKAS. — Sa-orang pemuda Filipina, Rolando Catli berusia 24 tahun telah memelok ugama Islam di-satu majlis yang berlangsong di-Surau Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-sini baru2 ini. Rolando Catli kini di-kenali sa-bagai Md. Amin bin Abdullah.

Sementara itu sa-orang gadis Tiong Hwa, Chong Kim Moi, 22 tahun memelok ugama Islam baru2 ini. Gadis tersebut kini di-kenali sa-bagai Dyasyima bte Abdullah sa-telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Tamat.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1hb Disember, 1982 hingga ka-hari Selasa 7hb Disember, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini :—

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 2hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 3hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 4hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 5hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 6hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 7hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai dari pukol 12.45 tengah hari.

# IKHLAS: SA-TIAP PERBUATAN KERANA ALLAH

**Bingkisan minggu ini**

Tiap2 sesuatu peker-ja'an yang di-lakukan itu, hendak-lah di-sertai dengan perasaan suchi hati. Tidak terlintas di-dalam-nya sifat ria' dan takbor, tidak kerana megah dan sombong, tidak kerana mengharap ada udang di-sa-balek batu, dan tidak pula semata2 mengikut kemahuan hawa nafsu dan pengaroh supaya satu2 pehak menyukai-nya atau meminati-nya.

Sa-balek-nya hendak-nya di-lakukan dengan rasa penoh ikhlas, sebab ia-nya ada-lah merupakan satu2 kewa-jipan yang di-dorong oleh kebenaran dan rasa tang-gongjawab yang sa-wajar-nya. Dalam perkara tersebut Rasulullah pernah menyatakan sa-bagaimana yang di-riwayatkan oleh Al-Baihaqi :—

*"Apabila tiba hari Kiamat, maka di-datangkan dunia dan segala isi di-dalam-nya, maka di-bedzakan-nya mana2 perbuatan yang di-lakukan kerana Allah, dan mana2 perbuatan yang di-buat bukan kerana Allah, maka ia akan di-limparkan ka-dalam Neraka Jahanam".*

Oleh itu Ugama Islam, ada-lah menganjorkan supaya kita Umat Islam akan sentiasa mengamalkan sifat ikhlas pada sa-barang apa jua yang kita lakukan, samada dari segi per-chakapan, perbuatan, mahu pun tindak tandok sa-harian. Jangan pula hendak-nya lain yang di-chakapkan, maka lain pula dari segi perbuatan atau kelakuan.

**AMALAN ROSAK**

Umpama-nya, kita di-perintahkan menger-jakan ibadat Sem-bahyang, puasa dan sa-bagai-nya. Semua surohan tersebut hendak-lah di-lakukan semata2 kerana Allah, tidak kerana yang lain, bukan kerana hendak men-dapatkan pujian dan san-jungan dari sesama makhlok, konon2 kita akan di-panggil sa-bagai sa-orang penyembahyang dan sa-bagai-nya. Jika-lah perasa'an saperti itu di-biarkan bersemadi di-dalam jiwa kita, maka alamat-nya segala amalan2 yang kita lakukan itu akan rosak dan sia2 belaka, dan sa-balek-nya kita-lah yang akan menerima dosa dari Allah nanti. Firman Allah, yang bermaksud :—

*"Tidak di-perintahkan kapada mereka, melainkan supaya beribadat kapada-Ku (Allah) semata2 ikhlas kerana-Nya."*

Pendek-nya, setiap apa jua pekerja'an yang ser-ing kita hadapi atau laksanakan, hendak-lah di-siratkan dengan rasa keikhlasan. Sebab satu2 pekerja'an itu boleh-lah di-ibaratkan sa-bagai tuboh, dan sifat ikhlas itu pula di-umpamakan sa-bagai roh-nya. Pekerja'an yang di-laksanakan dengan rasa tidak ikhlas, sama-lah juga saperti sa-batang tuboh yang kaku, yang tiada mempunyai roh. Akibat-nya, peker-jaan itu tidak mem-punyai erti dan seterus-nya tidak ada penghargaan langsong dari Allah s.w.t.

## Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Sa-orang gadis Iban Jamborie Anak Engat, berusia 22 tahun berasal dari Limbang, Sarawak, Malaysia telah memelok ugama Islam pada 6hb. Nombember, 1982 bersamaan 19hb Muharram, 1403 bertem-pat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei. Ia telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg. Haji Ismail bin Mat Serudin. Jamborie Anak Engat kini di-kenali dengan nama Islam-nya sa-bagai Dy. Shapiah bte Ab-dullah.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP2 HARI:

PAGI:

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |

TENGAHARI

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) |
| 1.00 | Majallah Radio siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis) |

PETANG

| | |
|---|---|
| 6.00 | Siri Mukkaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. |

MALAM

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bachaan Al-Kor'an |
| 10.24 | Do'a Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan |

## WARTA BERITA:

| | | |
|---|---|---|
| 6.45 | pagi | (Berita2 dalam dan luar negeri) |
| 10.00 | pagi | |
| 12.45 | tengahari | |
| 1.30 | tengahari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 | petang | |
| 5.30 | petang | |
| 8.00 | malam | |
| 8.15 | malam | (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban) |
| 9.30 | malam | Berita Dunia dari BBC London. |

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## HARI RABU

### 1HB DISEMBER

**PAGI:** 7.10—Panduan Sokan, 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Permintaan Pagi Rabu, 10.15 — Rampaian Joget, 10.30 — Rimba Raya, 10.45—Riang Ria, 11.00 — Dendang Latif M., 11.30 — Autograph Pendengar. **T/HARI:** 1.30 —Hiboran Paduan Suara. **PETANG:** 2.00—Dunia Wanita (SU), 2.30—Chitra Irama, 3.15 —Hiboran Petang, 3.30—Gazal (SU), 4.00—Tinjauan, 4.15 — Senandong Budaya, 4.30 — Bangsawan Di-udara (Indera Bangsawan—siri 8), 5.00—Serbanika Hiboran (Siaran Ulangan), 5.45—Senandong Senja, 6.50—Bingkisan Hari Ini, 7.00—Rangkaian Lama dan Baru, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Belia Mewakili Zaman-nya, 9.45—Kenangan Mengusik Jiwa.

## HARI KHAMIS

### 2HB DISEMBER

**PAGI:** 8.30 — Hiboran Untok Adek-Adek (SU), 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Penglipor Lara, 10.30—Rampaian London, 10.45—Aneka Lagu, 11.00 — Permintaan Sukaramai. **T/HARI:** 1.30—Chitra Wara (SU). **PETANG:** 2.00 —Puspasari/Keronchong, 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiboran Petang, 3.35 — Rimba Raya (SU), 3.50 — Instrumental Inggeris (Sentimental), 4.00—Sandiwara Radio (SU), 4.30—Majallah Soal Jawab Ugama, 5.00 — Lagu Berirama Gambus, 5.45 — Lagu2 Nasehat/Nashid, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Bachaan Surah Yassin, 7.15 — Lagu2 Asli, 8.30 — Bimbingan Al-Kor'an, 9.00—Tafsir 9.45 — Hidayat.

## HARI JUMAAT

### 3HB DISEMBER

**PAGI:** 8.30—Majallah Radio (SU), 9.00—Suara Gambus, 9.30—Tafsir Al-Koran, 10.15 — Soalan Di-Udara, 10.30 — Bichara Rasa, 11.00 — Lagu2 Asli, Zapin dan Gazal, 11.30—Bimbingan Al-Koran (SU). **T/HARI:** 12.00—Lagu2 Dakwah, 12.15 — Bachaan Al-Koran, 12.30 — Siaran Langsong Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat, 1.15 — Lagu2 Nashid, 1.45 — Lagu2 Padang Pasir. **PETANG:** 2.00—Lukisan Masharakat, 2.30 — Pusparama/Gema Keronchong, 3.15 — Apa Pendapat Awda/Hiboran, 3.34 — Pelajaran Dewasa Di-Udara, 4.00 — Surat Dari London, 4.15 — Hiboran, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00—Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Tinjauan (SU), 5.45 — Sayu dan Merdu, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan, 8.30—Lagu2 Hiboran, 9.00—Majallah/Soal Jawab Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun.

## HARI SABTU

### 4HB DISEMBER

**PAGI:** 7.10 — Panduan Sokan, 8.30 —Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di-Udara (SU), 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Hiboran Untok Adek2, 1.30 — Lagu2 Dari Filem, 1.45 — Selingkar Madah. **PETANG:** 2.00—Permintaan Hujong Minggu, 3.15 — Apa Pendapat Awda (SU)/Hiboran, 3.30 — Cherpen dan Salokan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Fukas Radio, 5.00—Rangkaian Lama dan Baru, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.30 — Chitra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di-udara (SU), 9.45—Bichara Rasa (SU).

## HARI AHAD

### 5HB DISEMBER

**PAGI:** 8.30 — Majallah Radio, 9.00—Taman Mekar, 9.30 — Suara Kugiran, 10.15—Titian Budaya, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30—Dunia Wanita. **T/HARI:** 12.00 — Tahniah dan Uchap Selamat, 12.32—Hiboran Untok Awda. 1.00—Permintaan Hari Minggu. **PETANG:** 2.00 — Lagu2 Rampaian, 2.30—Seni dan Sastera, 2.45 — — Hiboran Petang Minggu, 3.15 — Panduan Sokan, 3.20—Irama Gembira, 3.34—Majallah Sokan, 4.00—Chitra Wara, 4.30—Tetamu Radio, 5.00—Hiboran, 5.45—Hiboran Senja, 6.15 — Irama Dakwah, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00—Hiboran, 8.30—Suara Parajurit, 9.00—Keronchong/Puspasari, 9.45—Dibuang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama).

## HARI ISNIN

### 6HB DISEMBER

**PAGI:** 8.30 — Serbanika Hiboran, 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Sains dan Perusahaan, 11.00 — Permintaan Sukaramai. **T/HARI:** 1.30—Hiboran Periang Hati, **PETANG:** 2.00—Kenangan Mengusik Jiwa (Siaran Ulangan), 2.30—Seni dan Sastera, 2.25 — Hiboran Petang, 3.15 — Rampaian Joget, 3.35 — Mari Berpantun (SU), 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 5.00 — Pilehan Juruhebah, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00—Senandong Ria, 8.30 — Ku Tujukan Lagu, 9.45 — Hiboran Rayuan Malam.

## HARI SELASA

### 7HB DISEMBER

**PAGI:** 8.30 — Suara Parajurit (SU), 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30 — Permintaan Kaum Wanita, 10.15 — Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30—Rampaian London, 10.45—Lagu-lagu Hiboran, 11.00—Autograph Pendengar (SU). 11.30—Gazal. **T/HARI:** 1.30—Lukisan Masharakat (SU), **PETANG:** 2.0[illegible] K.. Sampaikan Salam, 3.15—Gema Silam, 3.35 — Suara Kugiran (SU), 4.00 — Gema Keronchong/Pusparama (SU), 4.30—Belia Mewakili Zaman-nya, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — — Sayu dan Merdu, 5.45 — Senandong Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Ruangan Ketani (SU), 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Fukas Radio (SU), 9.45 — Selingkar Madah (SU), 10.00 — Senandong Malam.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

8.00 Classical music with Rory Higgins
8.45 Classical music with Rory Higgins
9.30 Classical music with Rory Higgins

### Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.45 Stereo Pop Special "Squeeze" side 1.
9.30 Country Club

### Saturday

P.M.

8.30 Hits In Germany
8.45 Animal, Vegetable or Mineral — 15
9.30 Top Of The Pops.

### Monday

8.00 This Is My Song — (repeat)
8.45 Up The Belait Without A Paddle — 74 with guest Barry Paxton
9.30 All That Jazz — 23.

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood — 18.

## Daily

A.M.

7.00 BBC and Local News
7.15 Brunei's A.M.
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays.
12.00 Lunch Break
12.30 News followed by weather report

P.M.

8.30 Radio Newsreel
9.15 News

## HOLIDAYS — Friday

A.M.

10.00 A feature: Samuel Butler in New Zealand.
11.30 Children's Half Hour
12.00 Soundtrack of The Sixties
12.45 1980 — Cambridge Folk Festival: "Don McLean"
1.15 Book Club: Turtle Diary by Russell Hoban 1/10.
8.00 The World of Books
8.45 International Money Programme
9.00 Perspective
9.30 An Evening with Daryll Hall & John Oates — 25

## Sunday

A.M.

11.00 Practical World
11.15 This Is My Song
11.45 London This Week
12.00 Animal, Vegetable or Mineral
12.45 Review of the week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops.
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 We would like to know. by Tajul Ahmad.
8.15 BBC Beautiful Music
8.30 English Examined
8.45 Science Pop
9.30 Drama: 'The Splendours and Miseries of An Old Bailey Hack' by John Mortimer

# MAJLIS TAKLIMAT

## Kemudahan2 perubatan dan kesihatan di-sediakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam memberikan perkhidmatan perubatan kapada raayat dan pen-dudok di-negeri ini, Kera-jaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, melalui Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan saperti rumah2 sakit, kelinik2 dan kelinik2 bergerak bagi seluroh negeri.

Bagi pendudok2 yang ting-gal di-kawasan luar bandar, kerajaan juga telah menyediakan kelinik2 tetap dan lawatan2 perubatan melalui kenderaan2 darat, melalui sungai dan melalui udara yang menggunakan pesawat helikopter.

Ketua Pentadbir Rumah Sakit, Awang Haji Abd Rahman bin Abd. Razak menyatakan demikian kapada kira2 30 orang peser-ta taklimat dari Mukim Rambai, Daerah Tutong, yang mengikuti siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Brunei di-sini pada hari Isnin lepas.

Kata-nya Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan telah mula berkembang dengan pesat-nya dari semenjak tahun enam pulohan lagi, dan pada masa ini sa-jumlah 5 buah rumah sakit telah di-dirikan di-negeri ini ia-itu empat buah kepunyaan kerajaan dan sa-buah kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei yang letak-nya di-Seria.

Rumah2 sakit tersebut ia-lah Rumah Sakit Bandar Seri Begawan yang boleh menampong kira2 330 buah katil pesakit; Rumah Sakit Suri Seri Begawan mem-punyai 180 buah katil; Rumah Sakit Daerah Tutong dan Temburong juga mem-punyai kira2 40 buah katil, dan Rumah Sakit Sharikat Minyak Shell mempunyai 100 buah katil.

Pada memberikan perkhidmatan perubatan yang lebeh baik, kerajaan juga telah membena sa-buah Rumah Sakit baru yang terletak di-Kiulap, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, di-mana projek ini telah pun siap di-bena dan di-jangka di-gunakan sa-penoh-nya di-tahun hadapan.

Rumah sakit tersebut, kata Awg Haji Abd Rahman boleh menampong sa-banyak 550 buah katil dengan di-lengkapi alat2 yang lebeh moden dan sofistikated.

Walau bagaimana pun kata-nya lagi, pesakit2 yang tidak dapat di-rawat dalam negeri ini, kerajaan akan berusaha menghantar pesakit keluar negeri untok mendapatkan rawatan sa-lanjut-nya.

"Dengan kemudahan2 yang ada ini maka nyata-lah



Awang Haji Abd Rahman

perkhidmatan perubatan ini dapat di-nekmati oleh seluroh raayat dan pen-dudok negeri ini," tegas Awg Hj Abd Rahman.

Sa-lain dari itu, satu chawangan lagi dalam jabatan ini, ia-lah Bahagian Kesihatan, yang bertanggong-jawab dalam semua aspek penchegahan dan pengawalan penyakit2, saperti pengawalan wabak penyakit2, kebersehan alam sekitar, memelihara kesihatan ibu2 dan anak2 damit dan sa-bagai-nya.

Dalam ranchangan perkembangan 5 tahun, satu projek bagi menghapuskan penyakit malaria dalam negeri telah dapat di-lancharkan sejak tahun 1963 lagi, projek ini tambah-nya, telah berjaya meng-hapuskan malaria di-Brunei dan di-akui bebas dari penyakit itu semenjak beberapa tahun ini. Apa yang tinggal dalam projek ini, tambah Hj Abd Rahman lagi hanya-lah pengawalan-nya sahaja.

Bahagian ini juga, kata Awg Hj Abd Rahman selanjut-nya, telah memberi rawatan kapada penuntut2 dan murid2 sekolah bagi menentukan mereka berkeadaan sehat, dengan melalui satu yunit perkhid-matan kesihatan ka-sekolah2 yang di-ketuai sen-diri oleh Pegawai Kesihatan Sekolah yang di-tubohkan sejak beberapa tahun yang lalu.

Menyentoh berkenaan dengan pegawai2 dan kakitangan yang terdapat di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan ini, beliau menambah, jabatan tersebut kini mempunyai sa-jumlah kira2 2,400 orang. Dari jumlah ini termasok-lah 20 orang pakar dari berbagai kemahiran, 50 orang doktor, 7 doktor gigi, kurang lebeh 700 orang jururawat dari berbagai peringkat, 170 orang bidan, juruteknik2 dan lain lagi.

Pada mengatasi kekurangan kakitangan, jabatan-nya juga mem-punyai dua buah sekolah latehan ia-itu sa-buah bagi melateh jururawat2 dan sa-buah untok melateh bidan2, yang mana kesemua pelateh2 tersebut terdiri dari anak2 tempatan. — ZHS.





Peserta2 taklimat bergambar ramai dengan Pengarah Penerangan dan lain2 pegawai Jabatan Tanah dan Ukor.

## Kursus sengkat belum boleh di-adakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Abd. Rahman bin Abd. Razak selaku wakil Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan berpendapat jika sekira-nya kursus singkat perbidanan di-berikan sa-chara singkat di-adakan besar kemungkin-an ibu2 mengandong yang mereka rawat dan yang akan bersalin tidak menaroh keperchayaan dan meragui akan kebolehan mereka. Kerana sa-orang bidan yang chekap sekurang2-nya ia akan menjalani kursus tersebut sa-lama dua tahun.

Beliau menyatakan demikian apabila sa-orang peserta Taklimat dari Mukim Rambai memohon-kan supaya di-adakan satu kursus khas sa-chara singkat bagi tiap2 kampong di-pileh sa-orang untok di-lateh sa-bagai bidan khas-nya bagi kampong2 yang belum ada mempunyai bidan terutama-nya di-kawasan2 luar ban-dar.

Awang Haji Abd. Rahman menjelaskan mengenai per-kara tersebut bahawa di-negeri ini telah di-adakan Sekolah Perbidanan dan kursus itu memakan masa sa-lama dua tahun. Permo-honan pekerjaan sa-bagai bidan kerap kali keutamaan-nya di-berikan kapada pen-dudok2 luar bandar yang mana kampong2 berkenaan tidak mempunyai bidan.

Beliau menyatakan demikian kapada peserta2 Taklimat dari Mukim Ram-bai dalam Siri Taklimat an-joran Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan bertempat di-Bilek Per-sidangan di-sini pada hari Isnin lepas.

"Saya rasa kursus singkat perbidanan bagi anak2 kam-pong tidak perlu di-adakan kerana profeshen per-bidanan ada-lah memerlu-kan kemahiran dan penga-laman yang bukan sedikit lebeh2 lagi ketika mem-bidankan ibu2 yang hendak bersalin," ujar Awang Haji Abd. Rahman.

Buat masa ini kata-nya, perkhidmatan doktor udara telah di-adakan di-kawasan2 luar bandar. Jika pun ada perkara2 yang menchemas-kan yang memerlukan di-datangkan sa-buah heli-kopter Askar Melayu Diraja Brunei ka-kampong ber-kenaan yang mana Kerajaan Kebawah DYMM telah menyediakan sa-buah 'radio control' di-kawasan2 luar bandar bagi kemudahan dan kesenangan mereka. — MHM.

## Perkembangan Mukim sentiasa di-peduli

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah DYMM melalui Pejabat Daerah Tutong tidak ken-dor2 untok mengalingi dan memaduli perkembangan di-Mukim2 termasok di-Mukim Rambai.

Pendek kata hampir semua kampong2 dapat di-hubongi melalui jalan2 kechil sementara itu kawasan2 pendalaman yang agak susah untok di-hubongi terpaksa melalui jalan2 sungai atau pun melalui udara.

Di-samping itu kata Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Salleh bin Haji Mohiddin rumah2 per-singgahan ada di-sediakan di-Kampong Rambai sa-chara perchuma bagi orang2 awam untok beristirehat. Kemudahan2 untok berun-ding dan bermuafakat juga di-sediakan ia-itu sa-buah balai raya telah pun di-dirikan. Kawasan peranginan di-Tasek Merim-bun juga akan 'di-bisaikan' dalam sedikit masa lagi.

Beliau beruchap demikian kapada peserta2 Taklimat dari Mukim Rambai dalam Siri- Taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Pe-jabat Setiausaha Kerajaan di-sini pada hari Ithnin lepas.

Awang Salleh meng-ingatkan supaya segala kemudahan2 yang telah di-berikan oleh Kerajaan itu di-gunakan dan di-jaga dengan sa-baik2-nya dan tidak saperti yang pernah beliau saksikan sendiri kambing2 di-biarkan naik ka-Balai2 Raya tanpa di-ambil indah dan peduli oleh pehak2 yang berkenaan.

Beliau berharap supaya pendudok2 kampong yang berkenaan 'mengalingai' perkara tersebut kerana sa-tiap pendudok kampong ada-lah bertanggong-jawab ka-atas kesejahteraan kam-pong masing2.

Jadi kata-nya, apa2 masaalah kampong atau pun anak2 kampong jangan-lah teragak2 untok berjumpa Ketua2 Kampong atau Ketua2 Rumah Panjang dan jika tidak selesai rundingkan-lah dengan Penghulu masing2 dan sa-



Penolong Pengawai Daerah Tutong, Awang Salleh bin Haji Mohiddin

kira-nya perkara tersebut susah untok di-selesaikan maka hadapkan perkara itu kapada Pegawai Daerah un-tok di-selesaikan.

Mukim Rambai mempunyai keluasan lebih kurang 150 batu persegi dan mempunyai keramaian pendudok 1,000 orang. Ia-nya merupakan Mukim yang terbesar di-Daerah Tutong tetapi mempunyai bilangan pendudok yang paling sedikit.

Awang Salleh juga me-nyenaraikan mengenai kemudahan2 dan kemajuan2 yang telah di-ungkayahkan oleh Kerajaan Kebawah DYMM bagi Daerah Tutong melalui Pejabat Daerah-nya antara-nya pembi-naan dan pengusaian jalan2 kechil, balai2 raya, pondok2 gerai, rumah2 persinggahan dan barek2 untok pekerja2 buroh.

Mengenai dengan jalan kechil kata-nya, sejak tahun 1981 sa-panjang 150½ batu telah pun di-bina dan sa-panjang 48 batu telah pun di-naikkan taraf-nya dengan di-buboh batu semen-tara itu jalan yang maseh di-dalam pemeliharaan Pejabat Daerah ia-lah sa-panjang 102½ batu. Pada tahun ini saja pembi-naan jalan kechil sa-panjang 3¾ batu yang mana 2½ batu telah siap dan 1½ batu maseh dalam pembinaan-nya. Dan yang lain-nya ia-lah 19 buah balai raya, 6 buah pondok gerai, 49 buah pondok2 bas, 12 pintu barek buroh dan 2 buah rumah2 pers-inggahan.

Memandangkan perkem-bangan pejabat tersebut ia-nya sa-kurang2-nya memerlukan sa-orang jurutera dan pegawai2 teknikal yang berkemahiran. Walau bagaimana pun Alham-dulillah dengan ada-nya keper-chayaan dari pehak Kerajaan dan bantuan2 dari orang ramai, kekurangan tersebut dapat di-atasi dengan jaya-nya, jelas Awang Salleh. — MHM

## Pembenaan j-raya di-buat chara berperingkat2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Salleh bin Haji Mohiddin menyatakan bahawa jalan raya yang di-buat ada-lah sa-chara berperingkat2 dan bukan-nya sa-chara sekali gus dan yang perlu di-teliti juga ia-lah sa-takat mana kepentingan-nya kapada sa-sebuah kampong itu.

Mengenai dengan jalan raya yang akan menghubongkan Kg. Supon Besar, Awang Salleh menjelaskan buat sementara waktu ini belum-lah ada ran-changan Kerajaan untok menimbangkan-nya, lagi pun memandangkan pendudok2 kampong di-situ tidak-lah sa-begitu ramai.

Perkara tersebut telah di-timbulkan oleh salah sa-orang peserta taklimat dari Mukim Rambai yang mengusolkan per-mohonan agar jalan raya di-hubongkan sampai ka-Kg. Supon Besar dan tidak hanya sa-takat sampai ka-Kg. Benutan. Buat masa ini pendudok di-situ hanya melalui jalan sungai sa-bagai penghubong antara ban-dar dengan kampong mereka tetapi yang agak menyukarkan pendudok2 berkenaan ia-lah apabila ayer sungai tuhor dan mereka terpaksa berjalan kaki dari Belabau hingga ka-Benutan. Perlu-nya juga jalan raya sa-bagai penghubong memandangkan ada-nya perkembangan pertanian di-kampong tersebut.

Menurut Awang Salleh tu-juan asal matalamat Kerajaan membuat jalan2 raya yang menghubongi antara bandar dengan kampong ia-lah jika ia-nya di-fikirkan benar2 perlu sa-bagai jalan2 penghubong.

Beliau menyatakan demikian kapada sa-ramai kira2 30 orang peserta2 Taklimat dari Mukim Rambai dalam Siri Taklimat an-joran Bahagian Penerangan, Pe-jabat Setiausaha Kerajaan bertempat di-Bilek Persidangan di-sini pada hari Isnin lepas.

Buat masa ini kata Awang Salleh gunakan-lah jalan2 sungai, jika sekira-nya jalan2 sungai itu semak, beruras oleh batang2 kayu berusaha-lah biskita sama2 membersehkan-nya kerana semua itu untok kepentingan dan kemudahan pendudok di-situ dan jangan-lah semata2 berharap kapada bantuan Kerajaan kerana sungai2 itu biskita jua yang akan melalui-nya."

Tetapi walau bagaimana perkara tersebut akan di-kaji semula yang mana beliau sen-diri akan membuat tinjuan ka-sama. — MHM.





**PEMEREKSAAN** terakhir terhadap bangunan tersebut oleh beberapa orang pegawai dari jabatan2 yang berkenaan (atas) sementara gambar kanan menunjokkan pemandangan bahagian hadapan bangunan yang baru itu.

# PEMINDA
# BER

PERPINDAHAN jabatan2 Kerajaan be
char sekali tanpa menimbulkan ap
babitkan perhubongan jabatan2 yang b
ramai.

Perpindahan tersebut yang bermula s
di-laksanakan sa-telah pemereksaan akhir
Nobember lalu dan pemindahan ada-lah s

Pemindahan ini melibatkan lima buah
Jabatan Odit, Jabatan Kebajikan Belia dan
reksaan, Kenadziran dan Jabatan Pelajaran

Ada di-antara jabatan2 ini telah be
saperti mana yang di-jadualkan, namun beg
yang di-peruntokkan bagi mengisi tingkat
bat2 Kerajaan yang terletak di-tapak bekas
itu akan berpindah sa-chara beransor-ans

Ketetapan tersebut di-buat kerana mem
reksaan yang hanya akan selesai dalam akh



## Dua buah bangunan lagi maseh dalam pembenaan

DUA buah lagi bangunan bagi menempatkan jabatan2 Kerajaan kini sedang dalam pembenaan. Bangunan2 tersebut di-bena berhampiran dengan bangunan Jabatan Pelajaran yang baru itu. Gambar kiri ialah Bangunan Jabatan Kerja Raya bagi menempatkan beberapa buah jabatan Kerajaan sementara di-sebelah kanan ia-lah bangunan Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Gambar atas pula ia-lah pemandangan salah satu ruang pejabat di-dalam bangunan jabatan2 Kerajaan yang baru itu.









**PERHUBONGAN** talipon ada-lah sa-chara pusat. Kelihatan kakitangan Jabatan Talikom mempastikan sambongan talian2 talipon berjalan dengan baik.

# AN JABATAN2 K'JAAN ALAN LANCHAR

dengan begitu lan-
ulitan yang mem-
an dengan orang

wal minggu lepas
nkan pada 15hb
a beransor-ansor.

an Kerajaan ia-itu
n, Lembaga Pepe-

h sa-chara penoh
nbaga Pepereksaan
ah kompleks peja-
gan Terbang Lama
ai bulan ini.

gkan urusan peme-
hun ini dan saperti

yang di-laporkan pada keluaran Pelita baru2 ini, ada-lah merupakan satu kesukaran bagi lembaga tersebut jika urusan mereka di-chelahi dengan perpindahan itu.

Bagi orang ramai yang punya perhubongan dengan pejabat2 yang berkenaan, perlu di-ketahui yang Jabatan Pelajaran akan mengisi keselurohan tingkat dua, sa-bahagian tingkat bawah dan sa-bahagian tingkat tiga. Jabatan Odit pula mengisikan keselurohan tingkat lima, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan mengisi tingkat tiga (Bahagian Pentadbiran) dan empat (Bahagian Kebajikan, Asohan dan Belia) dan Kenadziran pula mengisikan sa-bahagian tingkat tiga.

Pejabat2 Kerajaan ini mempunyai sistem perhubongan talipon pusat dan di-lengkapi dengan kawasan2 letak kereta yang di-fikirkan menchukopi bagi menampong pegawai2-nya yang bertugas dan ia-nya tentu sekali berkeupayaan memberikan suasana kerja yang memuaskan.

Laporan lengkap perpindahan ini akan di-siarkan dalam keluaran yang akan datang sa-telah pemindahan di-buat sa-chara penoh.



**PEMINDAHAN** Jabatan Odit telah pun selesai. Gambar atas kelihatan pegawai2 dari jabatan tersebut sebok menjalankan tugas saperti biasa. Gambar bawah kelihatan pekerja2 sebok mengangkat segala perkakas pejabat.





**Bolasepak**

## Piala Malaysia :

# BRUNEI MENGGUGAT !

**SKUAD Brunei ka-Piala Malaysia di-jangka akan beraksi dengan hebat ketika membuka tabir perlawanan dengan Pahang pada 7hb. Januari depan sa-belum menggugat lain2 pasokan yang bakal di-temui-nya.**

**Sa-telah kechundang mempertahankan kejuaraan Piala Borneo dan kehilangan beberapa pemain utama, skuad kebangsaan maseh terus bersemangat untok mempamerkan kelakunan yang lebeh menggalakkan dalam siri musim ini.**

Lima pemain utama di-jangka tidak akan menyertai yang termasok ketua pasokan, Pg. Tajuddin dan penyerang Ak. Zamani. Sementara Sahari Tuah, Sahari Timbang dan Shair Bakar, ketiga2-nya maseh belum puleh dari kechederaan.

Namun begitu yang nyata ketiadaan mereka itu mungkin tidak akan menjejaskan kekuatan skuad yang ada kerana beberapa pemain utama yang menghilang akan beraksi kembali.

Kehadhiran Murni Hj. Muhammad, Ahmad Metarsad dan Roslan Hj. Suhaili dan di-tambah lagi dengan gabongan bersama Jafari Samad dan Zainuddin Kassim, kedua2-nya tidak bermain di-Piala Borneo, sudah tentu akan memantapkan kekuatan yang ada.

Setiausaha BAFA, Awang Ibrahim Haji Johari menyatakan besar kemungkinan beberapa orang pemain yang mewakili ka-Piala Razak akan di-serapkan ka-skuad kebangsaan jika mereka menunjokkan performance yang baik sa-lepas kejohanan itu nanti.

"Peluang maseh di-buka sa-belum bermula-nya siri Piala Malaysia tahun depan. Dan perebutan tempat di-skuad kebangsaan maseh diperlukan berikutan ketiadaan beberapa pemain utama kebangsaan," ujarnya.

Skuad kebangsaan di-jangka akan menjalani latehan intensif bermula minggu depan sa-lama sabulan di-bawah pengawasan Awang Haji Idris Hamid.

Mungkin pada skuad yang ada sekarang soal persefahaman (team work) tidak begitu membimbangkan kerana pergandingan pemain2 telah lama ujud beberapa tahun yang lalu. Hanya soal 'fitness' yang menjadi ukoran satelah melihat kelakunan mereka di-Piala Borneo lepas.



**Shair ... chedera.**



**Roslan ... di-panggil sa-mula.**



**Pg. Tajuddin ... tidak bermain.**



**Shari ... chedera.**

Ketumpulan sengat di-barisan depan mungkin dapat di-atasi dengan kemuncholan semula penyerang linchah, Roslan Hj. Suhaili sa-telah lama berehat sa-lepas menjalani pembedahan lutut-nya.

Rangkaian ketajaman serangan dari Roslan, Majidy dan Zainuddin dengan bantuan dari Murni dan Ahmad mungkin akan memberikan peluang yang cherah bagi membuka pintu dalam perjalanan merentas ka-perengkat sa-paroh akhir saperti yang di-idam2kan.




## Piala Razak :

# SKUAD MEYAKINKAN

**BRUNEI kini membuat persediaan yang rapi bagi menyertai Kejohanan Bolasepak Piala Razak yang akan berlangsong pada 4hb hingga 12hb Disember ini, bagi pemain2 berumor 20 tahun kebawah.**

**Brunei ada-lah buat kali pertama menyertai kejohanan ini dan telah di-senaraikan bersama dengan Johor, Trengganu dan Wilayah Persekutuan.**

**Pada masa ini skuad Brunei telah menjalani latehan intensif sejak 24hb. Nobember lepas di-bawah kelolaan jurulateh, Awang Suhali Lani dengan di-bantu oleh bekas pemain kebangsaan Brunei Awang Dayem Hj Ali.**

**Menurut pengurus pasokan skuad Brunei, Awang Emran Hj. Hassan bahawa pemilehan dan latehan terpaksa di-jalankan hanya lebeh kurang sa-minggu di-sebabkan kebanyakan pemain2 terlibat dalam pepereksaan persekolahan mereka.**

**"Bagaimana pun semua masaalah tersebut sedikit sa-banyak dapat di-atasi dan kami berharap dalam masa sa-sengkat ini kechergasan, persefahaman antara pemain akan dapat di-ujudkan," jelas-nya.**

**Skuad Brunei ini mungkin lebeh meyakinkan akan kelakunan mereka di-kejohanan itu nanti memandangkan hampir kesemua pemain2 telah berpengalaman sa-telah pernah menyertai kejohanan2 antarabangsa saperti kejohanan belia 18 tahun kebawah dan Piala Lion City.**

**Sengat mereka mungkin lebeh bisa lagi dengan kehadhiran empat pemain kebangsaan Brunei yang sa-chara langsong akan menjadi tulang belakang skuad ini.**

**Mereka itu ia-lah Jafari Samad (ketua pasokan), Zainuddin Kassim, Omarali Hj. Ibrahim dan Azman Daud.**

**S-Takraw**

# LAWATAN MUHIBBAH

**KEGAIRAHAN yang begitu menunjol pada permainan sepak takraw sejak akhir2 ini amat di-ambil berat oleh Persatuan Sepak Takraw Brunei (PESTABARU).**

**Begitu yang menjadi hasrat mutlak Pestabaru, satu2-nya persatuan sokan yang benar2 aktif pada menjayakan matalamat-nya mempopularkan jenis sokan ini dan menjadikan Brunei sa-bagai salah sa-buah negeri yang terkuat sebelah rantau ini.**

Selain menyusun ranchangan2 tertentu saperti mengadakan kelinik jurulateh dan pengadil, Pestabaru juga di-jangka akan menerima tetamu2 takraw dari luar negeri saperti Malaysia, Thailand dan Singapura.

Mengetok pintu buat kali pertama ka-negeri ini nanti ia-lah Persatuan Sepak Takraw Selangor (PSM) yang di-jangka mengadakan lawatan muhibbah pada bulan Januari tahun depan.

Rombongan tersebut yang di-ranchang akan tiba pada pertengahan bulan ini telah menundakan tarikh tersebut kerana banyak pemainnya terlibat mewakili Malaysia ka-Sokan Asia di-New Delhi sekarang.

Menjelaskan tentang lawatan tersebut, Timbalan Setiausaha Agong Pestabaru, Pg. Metassan Pg. Bakar menjelaskan: "Meski pun kedatangan rombongan itu sa-bagai lawatan muhibbah tapi ia-nya akan membuat pertunjokan permainan bagi tuntonan pemain2 tempatan."

"Saya telah di-beritahu oleh setiausaha PSM, Awang Ahmad Tajuddin Shahbuddin bahawa pehak mereka juga akan berusaha untok menyelitkan bersama pemain ulung takraw Malaysia Adnan Saidin dalam rombongan itu agar hasil dari pertunjokkan mereka itu nanti akan benar2 menarek dan menambahkan minat ka-permainan takraw ini,"

Ranchangan2 telah pun di-susun oleh pehak Pestabaru dan berkemungkinan pertunjokan permainan akan di-adakan di-Daerah Brunei-Muara dan Belait.

## ASTAF kelolakan kursus

PESTABARU akan menghantar tiga orang ahli-nya bagi mengikuti kursus pengadilan terlateh di-bawah kelolaan Persatuan Sepak Takraw Sa-Asia (ASTAF).

Awang Haji Abd. Rahman Hj. Naim, Zaini Hamid dan Awang Tarif Haji Ladis akan mengikuti kursus intensif sa-lama lebeh kurang saminggu di-Singapura bagi membolehkan mereka di-iktiraf sa-bagai pengadil takraw yang bertauliah.

Ini merupakan julong2 kali kursus ini di-adakan oleh ASTAF. Hasil-nya nanti di-harapkan akan lebeh ramai pengadil2 yang bertauliah dalam sa-sebuah persatuan yang bergabong dengan ASTAF.

Pehak ASTAF berharap dengan bertambah-nya lagi pengadil2 maka akan dapatlah menseragamkan chorak pengadilan sepak takraw di-kejohanan2 akan datang.

Pestabaru pula sangat2 berharap mempunyai pengadil dan jurulateh yang bertauliah memandangkan Brunei di-jangka akan menjadi tuan rumah di-kejohanan2 sepak takraw akan datang.

**Olahraga**

# ATHELIT BRUNEI GIAT BERLATEH

**SA-JUMLAH 71 orang yang terdiri dari 46 orang olahragawan dan 25 olahragawati kini sedang giat menjalani sekim latehan olahraga yang di-kelolakan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.**

Sekim yang buat kali pertama-nya di-adakan di-negeri ini ada-lah di-bawah bimbingan sa-orang jurulateh yang bertauliah dari Jepun, Awang Hiro Hisekawa yang di-datangkan ka-sini atas inisiatif Sharikat Minyak Shell bagi menyumbangkan kerjasama dalam meningkatkan taraf sokan di-Brunei.

Menurut salah sa-orang pengawas sekim tersebut, Awang Norsah Hj. Abdullah yang sekim ini akan berjalan selama enam bulan dan telah mendapat sambutan yang hangat dari olahraga2 seluroh negeri.

Pehak Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan pada perengkat awal telah terpaksa menjalankan pemilehan dan tapisan untok memileh olahraga2 yang benar2 berkebolehan.

Menyentoh mengenai tujuan sekim tersebut Awang Norsah menyatakan : "Sekim ini semata2 memberikan peluang kapada ahli2 olahraga negeri untok mendapatkan gambaran sa-benar latehan2, teknik2 dan selok-belok olahraga di-achara trek dan padang.

Di-samping itu sekim ini juga ada-lah merupakan salah satu persediaan bagi olahraga2 Brunei bagi menghadapi beberapa sokan antarabangsa termasok Sokan SEA di-Singapura serta Sokan Kemerdekaan sa-belum menjadi tuan rumah bagi Sokan SEA pada tahun 1985 nanti."

Menjelang sokan2 tersebut-lah maka pehak Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan benar2 mengambil perhatian akan perkembangan sokan olahraga agar olahraga2 tempatan benar2 bersedia untok memberikan tentangan kapada peserta2 dari luar negeri.

Masa-nya kini sudah siap bagi kita untok sama2 bertarong disamping mempunyai ahli2 olahraga yang benar2 berkelibar.

Dalam pada itu juga Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan berurara untok mengadakan kelinik jurulateh yang khusus bagi olahraga yang bertujuan untok mendapatkan tenaga jurulateh yang benar2 berkebolehan dan bertauliah yang juga akan dikendalikan oleh Awang Hiro.

## Marathon: 7 wakil AMDB

PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei akan menghantar sa-ramai tujoh orang pelari marathon-nya yang terdiri dari ahli2 Pusat Latehan Askar Melayu Diraja Brunei bagi menyertai Kejohanan Marathon Singapura.

Pelari2 marathon itu di-ketuai oleh Mejar AM Hampton dan telah bertolak ka-Singapura kelmarin bersama-sama dengan WO2 O'Neal, Sgt. Aba, Sgt Dulamit, Koperal Mat Zin, Koperal Othman dan Koperal Nani.

Ini ada-lah buat kali pertama pasokan tersebut menghantar wakil-nya ka-kejohanan itu.

Rombongan pelari marathon AMDB telah menjalani latehan sejak sebulan yang lalu dengan mengadakan larian sejauh 26 batu sehari yang bermula dari Berakas terus ka-Muara dan melalui Jalan Kota Batu sebelum menamatkan latehan di-Sheraton Utama.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI JURUTERA KERJA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai JURUTERA KERJA di-Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Yunit Peranchang Ekonomi, Brunei.

Gaji: B3—$3350-$3640 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai Ijazah Kejuruteraan Awam daripada Universiti atau Maktab2 yang di-iktiraf.

b) Hendak-lah menjadi Ahli Institution of Civil Engineers (United Kingdom) atau yang sebanding.

c) Mempunyai 5 tahun pengalaman dalam berbagai bidang kerja kejuruteraan awam sa-lepas di-terima menjadi Ahli Institution of Civil Engineer (MICE) atau yang sebanding.

d) Pengetahuan Bahasa Melayu merupakan satu kelebehan.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang berjaya akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun dan pembaharuan kontrek ada-lah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan. Sa-lain daripada gaji bonus juga di-bayar. Faedah2 termasok-lah baksis pada kadar 25%, tambang perchuma, elaun pelajaran untok anak2, chuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untok membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutop: 30hb Disember, 1982.

(E/229/82)

(Bil: 328/1982)

## Sa-bagai Tukang Kayu Tingkat II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TUKANG KAYU TINGKAT II di-Jabatan Pelabohan2, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun dan mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya 2 tahun sa-bagai tukang kayu.

b) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya.

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai jenis2 kayu.

d) Berpengalaman dalam menggunakan alat2 perkakas letrik dan alat2 perkakas pertukangan kayu.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5 — $430-$560 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

**Tugas2 :**

a) Boleh membaiki pallet yang rosak atau membaharui-nya.

b) Boleh membaiki pintu2 bangunan dan lain2 bahagian yang rosak atau membaharui-nya.

c) Boleh membaiki atau membuat lain2 alat daripada kayu.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb. Disember, 1982.

(E/2284/81)
(Bil : 333/1982)

## Di-Jabatan Radio dan Talivishen

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio dan Talivishen Brunei.

1. PENGAWAS MCR

Gaji: C. 3-4 EB.5—$1735-$2580 sa-bulan. Gaji permulan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pengalaman profeshenal yang bersesuaian sekurang2-nya lima tahun di-sebuah pertubohan penyiaran yang terbesar atau Tingkatan 5 Melayu atau Inggeris dengan tiga kelulusan peringkat 'O' dan 5 tahun pengalaman yang bersesuaian sa-penoh masa di-RTB. Kefasehan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris ada-lah di-perlukan.

Mengawas Bilek kawalan Utama, pusat kawalan persembahan, mengawal pemancharan ranchangan2 harian pada keselurohan-nya. Meneliti dan menyunting jadual ranchangan harian, mempastikan iklan2 perdagangan telah di-pindahkan ka-video dan juga filem2, ranchangan2 tempatan dan promo2, dll, di-berikan jangka masa tayangan-nya dan di-sediakan untok pemancharan. Menerbitkan pembukaan dan penghebahan ranchangan. Dalam hal2 tertentu mungkin terpaksa menjalankan lain2 jenis penerbitan saperti promo2 dan iklan2 perdagangan tempatan.

2. PENOLONG OPERESEN

**Gaji :**

C. 1-2 EB 3 — $1110-$1980 sa-bulan. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Mempunyai sa-kurang2-nya 2 tahun pengalaman sa-bagai Penolong Operesen Rendah serta lulus ujian SBC Broadcasting Techniques Pt.I, jika berkenaan. Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan di-atas hendak-lah mempunyai sa-kurang2-nya 3 tahun pengalaman membuat kerja2 di-sesuatu bidang "operations" serta mendapat sokongan yang memuaskan daripada Jurutera Latehan dan laporan2 kerja yang baik daripada bekas Ketua2 Bahagian mereka.

**Tugas :**

Sa-chara umum kapada Penolong Operesen Kanan bagi mengendalikan salah satu (atau lebeh dari satu) kelengkapan yang khusus. Alat2 kelengkapan itu biasa-nya di-letak di-bawah jagaan penoh sa-seorang Penolong Operesen dan dari itu dia sendiri mempunyai tanggong-jawab yang berat semasa pemancharan dan kerja2 Rakaman di-jalankan. Chontoh tugas2 Penolong Operesen:—

Camera Operator
Videotape Operator
Telecine Operator
Boom Operator
dll.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb. Disember, 1982.

(E/480/78)

(Bilangan: 331/1982).

## Penyelenggara Setor Tingkat III

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III di-Jabatan Ukor, Brunei.

**Tangga Gaji :**

Gaji: E.1-2-3 EB.4—$410-$700 sa-bulan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.

b) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di-atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja2 Penyelenggara Setor boleh juga di-pertimbangkan.

**'Am :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Disember, 1982.

(E/379/62)

(Bil: 327/1982)

## Sa-bagai Akitek Di-JKR

